

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH KIM  
[ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Kim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kabinet pernah mengadakan perbincangan yang menyeluruh tentang Rang Undang-Undang Pindaan Akta 355 oleh YB Marang sebelum ia dibentangkan di Dewan Rakyat dalam sidang yang lepas. Apakah Kerajaan akan mempertimbangkan reaksi yang kuat daripada anggota kabinet dan juga masyarakat yang membantah pindaan Akta 355.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa negeri,

berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja seperti disebut dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan tidak akan menyentuh bidang kuasa Mahkamah Sivil untuk membicarakan kes-kes jenayah di bawah Kanun Keseksaan.

Dalam kesempatan ini, ingin saya jelaskan bahawa Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] telah diperkenalkan pada tahun 1965. **Ketika itu kadar maksimum hukuman penjara tidak lebih dari 6 bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya.** Akta 355 ini telah dipinda seperti berikut:

- i. Pada tahun 1984, peruntukan mengenai bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah tersebut telah dipinda melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Menerusi pindaan itu, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman **telah dinaikkan kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.**
- ii. Seterusnya, pada tahun 1989 ianya diperluaskan pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak melalui Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan dan Perluasan) 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan) 2016 adalah **Rang Undang-Undang Ahli Persendirian** yang telah dikemukakan melalui **usul** oleh Ahli Parlimen Marang berdasarkan kepada Peraturan 49, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan telah dibentangkan di persidangan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Ke-13 pada 26 Mei 2016 yang lalu. Pada masa ini, Kerajaan sedang meneliti usul tersebut yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah.

Pada masa yang sama , di pihak Kerajaan juga sebenarnya sedang meneliti cadangan pindaan kepada Akta 355 yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang sedia ada memandangkan Akta berkenaan sebelum ini telah lama tidak dipinda. Jika cadangan pindaan ini diluluskan oleh Parlimen, Kerajaan ingin mencadangkan pesalah Syariah dikenakan hukuman termasuk khidmat masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW**  
**[ KEPONG ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah berkesan yang diadakan untuk menyelenggarakan semua jenis pengangkutan awam darat.**

**JAWAPAN: YB DATUK HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keselamatan merupakan salah satu aspek terpenting yang diberi perhatian dalam perkhidmatan pengangkutan awam darat bagi memastikan ia tidak dikompromi oleh mana-mana pihak demi kepentingan pengguna.
2. Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen atau permit kepada operator pengangkutan awam darat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah membangunkan Kod Amalan Industri – Keselamatan (SPAD ICOP – Keselamatan) yang dijadikan syarat-syarat lesen pengendali yang wajib dipatuhi oleh penyedia atau operator pengangkutan awam darat.
3. SPAD ICOP – Keselamatan menyenaraikan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali, seperti penyediaan Dasar Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja, Pemeriksaan Harian Pemandu dan Kenderaan, Pemasangan dan Pemantauan GPS, pelantikan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Penyelia Keselamatan dan Kesihatan, serta semakan audit dalaman (oleh pengendali) dan audit luaran (oleh SPAD).
4. Bagi memastikan semua kenderaan pengangkutan awam diselenggara dengan baik, SPAD ICOP turut menggariskan kod untuk Manual dan Prosedur Penyelenggaraan Kenderaan yang perlu dipatuhi oleh pengendali.

5. Bagi perkhidmatan bas (termasuk bas ekspres dan bas berhenti-henti) dan kenderaan barangan, SPAD ICOP Keselamatan Untuk Pengendali Bas dan SPAD ICOP Keselamatan Untuk Pengendali Kenderaan Barangan memerlukan pengendali memastikan penyelenggaraan kenderaan dilakukan berdasarkan manual penyelenggaraan yang disediakan oleh pembuat kenderaan dan seterusnya perlu mewujudkan satu prosedur penyelenggaraan kenderaan berdasarkan manual tersebut.

6. Sementara itu, sebagaimana juga prosedur bagi perkhidmatan bas dan kenderaan barangan, antara syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi bagi perkhidmatan rel ialah untuk setiap komponen-komponen kereta api, semboyan, komunikasi dan kuasa elektrik mempunyai manual penyelenggaraan dan operasi untuk digunakan oleh pengendali-pengendali kereta api. Perkhidmatan rel ini termasuklah LRT, Monorel, ERL, *Aerotrain* di lapangan terbang dan semua perkhidmatan rel oleh KTMB seperti Komuter dan ETS.

7. Penyelenggaraan yang mengikut jadual dan berkala akan menjamin keselamatan dan sekaligus boleh meningkatkan jangka hayat komponen-komponen tersebut. Pihak pengendali rel juga dikehendaki mengemukakan langkah-langkah penambahbaikan terhadap manual-manual kepada S.P.A.D. setiap tiga tahun bagi tujuan rekod dan audit oleh pihak S.P.A.D. Selain itu, pengendali-pengendali juga digalakkan agar sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam menjalankan aktiviti penyelenggaraan dan operasi masing-masing seperti melaksanakan langkah-langkah "*predict and prevent*" dan tidak lagi mengamalkan "*find and fix*".

8. Dalam pada masa yang sama, bagi memastikan kenderaan pengangkutan awam darat seperti bas, teksi dan kenderaan perdagangan yang berada di jalan raya diselenggara dengan baik, kenderaan-kenderaan ini diwajibkan untuk lulus ujian pemeriksaan berkala sebanyak 2 kali setahun di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan. Pembaharuan cukai jalan kenderaan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan berkala ini.

9. Bagi kenderaan baru pula, pengendali bas ekspres perlu mendapatkan pengesahan PUSPAKOM berhubung pematuhan piawaian undang-undang yang dinyatakan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987, Peraturan Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959. Di samping itu, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebuah lagi agensi di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan juga menjalankan penguatkuasaan terhadap tahap *roadworthy* kenderaan awam dari semasa ke semasa.

10. Kesemua pemeriksaan ini adalah penting bagi memastikan ia benar-benar selamat digunakan sebelum dibenarkan bergerak atau beroperasi di atas jalan raya.

Sekian, terima kasih.